

TERMS AND CONDITIONS
RHB MYSISWA DEBIT CARD-i SPEND CAMPAIGN (SEASON 4)
("these Terms and Conditions")

Customers are advised to read and understand these Terms and Conditions.

Any customer who does not understand any of these Terms and Conditions may contact RHB Customer Contact Centre, whose contact details are set out in the General Terms and Conditions clause below.

CAMPAIGN ORGANISERS

1. The **RHB MySiswa Debit Card-i Spend Campaign (Season 4)** ("**Campaign**") is organised by RHB Bank Berhad [Registration No. 196501000373 (6171-M)] and RHB Islamic Bank Berhad [Registration No. 200501003283 (680329-V)] (both collectively, "**RHB**").

CAMPAIGN PERIOD

2. The Campaign runs from **01/03/2025** to **31/08/2025**, both dates inclusive ("**Campaign Period**").

ELIGIBILITY

3. The Campaign is open to all eligible primary account holders of valid and existing RHB MySiswa Debit Card-i (collectively, "**Eligible Participants**").
4. The following individuals and entities, both residents and non-residents, are not eligible to participate in the Campaign: -
 - (a) individuals below the age of eighteen (18) years old;
 - (b) permanent employees and contract employees of RHB Banking Group and their immediate family members;
 - (c) representatives and agents (including advertising agencies and promotional agencies) of RHB and their immediate family members; and
 - (d) companies, commercial and corporate entities, sole proprietorships, partnerships, charitable/non-profit organisations, societies and schools.

"**RHB Banking Group**" means RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad, RHB Insurance Berhad and their respective affiliates, holding companies, subsidiaries, related companies/corporations, successors and assigns.

CAMPAIGN MECHANICS

5. Eligible Participants are not required to register their participation with active RHB MySiswa Debit Card-i during the Campaign Period.
6. To stand a chance of winning the rewards and prizes under the Campaign, the Eligible Participants must meet the following qualifying requirements during the Campaign Period ("**Campaign Qualifying Requirements**"):-

Campaign Qualifying Requirements	Minimum Spend	Reward Earned
*Any retail spends with a minimum amount of RM30 ¹ in single receipt	RM30	1 entry
*1 entry per Online transaction ² , subject to minimum 10 online transactions in that calendar month.	Nil	10 entries
*Maintain a minimum Month End Balance ³ (MEB) of RM300 per month every month during campaign months	MEB: RM300	10 entries
*Multi-Currency Account (MCA) account opening	Nil	2x entry
**1 RHB <i>Loyalty</i> Points per RM2 spent with MySiswa Debit Card-i, subject to minimum RM10 spend in single receipt	RM10	5 RHB <i>Loyalty</i> Points (RHB LP)

*Scenario 1:

- Abu spends RM30 at a store or online and he is eligible to earn one (1) entry.
- Abu performs DuitNow QR to transfer some money to more than ten (10) unique accounts and he is eligible to earn 10 entries.
- Abu maintains a minimum MEB of RM300 and he is eligible to earn 10 entries.
- Abu's total accumulated entries in a month is 32 entries. He opens an MCA account, so his monthly entries will be doubled: 32 entries x 2 = 64 entries

**Scenario 2:

- Abu spends RM30 at a store or online in single receipt a day and he is eligible to earn 15 RHB LPs.
- Abu spends RM15 at a retail store and RM17 online, in a day and different receipts, he is eligible to earn a total of 16 RHB LPs.
- Abu spends RM2 at Pak Mat store and RM8 at Ah Chong Cendol, in a day and different receipts. He is not eligible for any RHB LPs as he does not meet the minimum spending requirement of RM10 in a single receipt.
- The accumulated RHB LPs can be viewed in RHB Superdeal Portal @ <https://www.rhbwards.com.my/superdeals> and the expiry date is within three (3) years from the day the point is earned.

Note:

- ¹Retail or Online Transaction is defined as local and overseas Retail Spend via Point-of-Sales (POS) and Online transactions.
- ²Online transaction are DuitNow Transfer, DuitNow QR, DuitNow Request, FPX, Prepaid Top Up, and JomPAY/Bill Payments. Entries will only be awarded to transactions made to five (10) unique recipients.
- ³Minimum Monthly End Balance of RM300 is tracked by the amount of minimum RM300 must be in the RHB Pro Savings Account-i / RHB CASA-i on the last day of every month throughout the Campaign Period.

CAMPAIGN REWARDS

7. Eligible Participants who meet the Campaign Qualifying Requirements will stand a chance of winning the following rewards / prizes (each a “**Campaign Reward**”): -

Campaign Reward Category	Campaign Reward	Number of Campaign Winners
Grand Prize	Apple MacBook Air 13-inch M3 Chip	5 winners
Monthly Prize	Tier 1 – 250K RHB <i>Loyalty</i> Points	Tier 1 – 60 winners
	Tier 2 – 150K RHB <i>Loyalty</i> Points	Tier 2 – 90 winners
	Tier 3 – 50K RHB <i>Loyalty</i> Points	Tier 3 – 300 winners
Daily Rewards	150,000 RHB <i>Loyalty</i> Points	180 winners

WINNER SELECTION AND REWARD FULFIMENT CONDITIONS

8. The winner selection and reward fulfilment conditions are as follows:-

- (a) All Eligible Participants who fulfill the Campaign Qualifying Requirements as stated in Clause 6 above during the Campaign Period will be selected as the winners.
- (b) All eligible transactions are tracked based on the transaction date and time according to the Malaysian Standard Time and must appear in RHB’s system to be accounted for the number of eligible transactions.
- (c) Each Eligible Participant is entitled to one (1) Monthly Prize and/or one (1) Grand Prize only throughout the Campaign Period.
- (d) All Eligible Participants will be selected based on the highest entries earned in each campaign month and/or throughout the Campaign Period.
- (e) In the event of a tie in the number of entries earned, Eligible Participants will be selected based on the highest transaction amount within the Campaign Period.
- (f) RHB is not liable nor obligated to meet the total number of winners if all attempts to select the winners have been exhausted.
- (g) RHB will notify the Eligible Participants by sending Short Message Service (“SMS”) or Electronic Direct Mailer (“eDM”).
- (h) The Campaign Reward will be credited into each winner’s RHB MySiswa Debit Card-i within six (6) to eight (8) weeks after the Campaign Period ends.

- (i) RHB may disclose or publish the names and the last 4 digits of the identification numbers of the winners in media for the purposes of announcing the winners of this Campaign.
- (j) Only eligible primary account holders of a valid and active RHB MySiswa Debit Card-i, which is not closed or dormant or terminated or blocked at any time during the Campaign Period and before the crediting of the Campaign Reward, are eligible for participation in the Campaign and for winning the Campaign Reward. If at any time during the Campaign Period and/or before the crediting of the Campaign Reward, the RHB MySiswa Debit Card-i, becomes dormant or is closed, terminated or blocked for any reason whatsoever, the primary cardholder of such RHB MySiswa Debit Card-i will be disqualified from the Campaign.

8.1 **Grand Prize**

- (a) The first five (5) Eligible Participants with the highest entries throughout the Campaign Period will be selected to win the Grand Prize.

8.2 **Monthly Prize**

- (a) The following Eligible Participants with the highest entries in each campaign month during the Campaign Period will be selected as winners of the respective Monthly Prizes:-
 - (i) Tier 1: the first ten (10) Eligible Participants.
 - (ii) Tier 2: the next fifteen (15) Eligible Participants.
 - (iii) Tier 3: the subsequent fifty (50) Eligible Participants.
- (b) If any Eligible Participants who have previously won a Monthly Prize during the Campaign Period have been re-selected based on the Campaign Qualifying Requirements as stated in Clause 6 above, then the next-in-line Eligible Participant will be selected as the winner. For example, an Eligible Participant of Month 1 has been selected again for Month 3, then the Eligible Participant will be disqualified from winning the Monthly Prize in Month 3.

8.2 **Daily Rewards**

- (a) The RHB *Loyalty* Points Daily allocation is capped at 150,000.
- (b) It is based on a daily first-come-first-serve basis.
- (c) The RHB *Loyalty* Points will be credited automatically to the eligible spend based on transaction date as per campaign parameter setting in RHB *Loyalty* Portal.
- (d) In the event of a tie in the last daily transaction to earn the RHB *Loyalty* Points, it will be based on exact transaction date and time according to the Malaysian Standard Time and must appear in RHB's system

- (e) The following transaction are expressly excluded and no *Loyalty* Points will be granted:-

No	Description																
1	Duit Now (Transfer, QR and Transfer)																
2	Jompay / Bill Payment																
3	FPX																
4	Prepaid Top-Up																
5	Any related payments under designated MCC codes as below: <table border="1" data-bbox="472 443 1369 556"> <tbody> <tr> <td>8398</td> <td>Charity /Social service organisation</td> <td>9311</td> <td>Tax Payment</td> </tr> <tr> <td>9211</td> <td>Court costs including Alimony and child</td> <td>9399</td> <td>Government Services</td> </tr> <tr> <td>9222</td> <td>Fines</td> <td>9402</td> <td>Postal Services-Government Services</td> </tr> <tr> <td>9223</td> <td>Bail and Bond Payments</td> <td>9405</td> <td>Intra Government Purchase- Gov only</td> </tr> </tbody> </table>	8398	Charity /Social service organisation	9311	Tax Payment	9211	Court costs including Alimony and child	9399	Government Services	9222	Fines	9402	Postal Services-Government Services	9223	Bail and Bond Payments	9405	Intra Government Purchase- Gov only
8398	Charity /Social service organisation	9311	Tax Payment														
9211	Court costs including Alimony and child	9399	Government Services														
9222	Fines	9402	Postal Services-Government Services														
9223	Bail and Bond Payments	9405	Intra Government Purchase- Gov only														

GENERAL TERMS AND CONDITIONS

9. By participating in the Campaign, each of the Eligible Participants agrees to the following: -
- (a) He/she is bound by these Terms and Conditions;
- (b) (i) by giving sufficient prior notice, RHB may: -
- (1) vary any of these Terms and Conditions or suspend or terminate the Campaign following the introduction of or change in any laws or regulatory requirements applicable to RHB and/or the Campaign; or
 - (2) vary any of these Terms and Conditions if, without such variation, the Bank will not be able to give effect to the Campaign.
- (ii) RHB may give such notice: -
- (1) by mailing such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination to the Eligible Participants; or
 - (2) by sending such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination by SMS (Short Message Service) or Electronic Direct Message (EDM) to the Eligible Participants; or
 - (3) by displaying such notice and the reason(s) for such variation, suspension or termination at RHB's branches or website.
- (iii) Any Eligible Participant who is not agreeable to such variation, suspension or termination is required to notify RHB and will no longer be entitled to participate in the Campaign.
- (c) The utilization of MySiswa Debit Card-i is not applicable for Shariah non-compliant products and services such as liquor, pork, indecent entertainment, tobacco etc.
- (d) The visuals of the rewards or prizes (each a "**Campaign Reward**") and all other items shown in all materials and publications related to the Campaign and on RHB's website are for illustrative and decorative purposes only and do not form part of the Campaign Rewards;

- (e) He/she is not allowed to choose the colour or design of his/her Campaign Reward (if the Campaign Reward is a good);
- (f) The Campaign Rewards cannot be transferred to any third party and cannot be exchanged for cash, credit or any other form of monetary payment;
- (g) RHB and/or its appointed vendor, supplier or agent may substitute the Campaign Rewards with another reward of similar value or specification by giving sufficient prior notice with reason(s) for such substitution in the manner as stipulated in Clause 9(b)(ii) above;
- (h) Any Eligible Participant who has cheated or committed any unlawful or fraudulent act in relation to the Campaign and/or the product(s) to which the Campaign applies, will be disqualified from the Campaign;
- (i) RHB is not responsible for the condition or any loss or deterioration of or damage to the Campaign Rewards once accepted by the Eligible Participants. The Eligible Participants are advised to check the condition of their respective Campaign Reward before accepting the same (if the Campaign Reward is a good);
- (j) He/she is liable for all taxes and other fees and charges levied against him/her under the applicable laws, if any, for the acceptance of his/her Campaign Reward;
- (k)
 - (i) RHB is required to obtain and process the Eligible Participants' personal information to administer the Campaign;
 - (ii) by providing the personal information, the Eligible Participant has agreed to such processing by RHB; and
 - (iii) any Eligible Participant who is not agreeable to such processing by RHB is required to notify RHB and will no longer be entitled to participate in the Campaign;
- (l) He/she further consents to RHB obtaining and processing his/her personal information for the purposes of cross-selling, marketing and promotions of the products and/or services of RHB Banking Group or its strategic alliances which RHB thinks may interest him/her. He/She has the option of choosing whether to receive marketing and promotional materials for the same from RHB and may choose or change his/her option by contacting RHB Customer Contact Centre as follow:

RHB Customer Contact Centre
Email : customer.service@rhbgroup.com
Telephone No. : +603-9206 8118
Form : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;
- (m) the photographs/images together with the names of the Campaign Reward Winners may be used in RHB's announcement of the Campaign Reward Winners;
- (n) RHB is not liable for the non-receipt of, or any delay in the receipt of, any Campaign Reward Winner's Campaign Reward caused by:-

- (i) the suspension or termination of the Campaign pursuant to Clause 9(b)(i)(1) above;
 - (ii) such Campaign Reward Winner's own action or omission; or
 - (iii) by any act of God, war (whether declared or not), strike, riot, civil commotion or act of terrorism which is not attributable to RHB and/or any of its employees, representatives and agents;
- (o) Unless there is any manifest (obvious) error, RHB's decision on all matters relating to the Campaign is final, conclusive and binding against the Eligible Participants;
- (p) He/she may contact RHB Customer Contact Centre for all matters relating to the Campaign (including any request to change or limit the processing of his/her personal information) to RHB Customer Contact Centre;
- (q) If he/she is not satisfied with the resolution provided by RHB Customer Contact Centre and if the product(s) to which the Campaign applies is/are:-
- (i) he/she may then refer the matter to the operator of the Financial Ombudsman Scheme approved by Bank Negara Malaysia: -

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) (Formerly known as Ombudsman for Financial Services)

Address : **Level 14, Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur**

Telephone : **603-2272 2811**

Web Form : <https://www.fmos.org.my/en/feedback.html>

Website : <https://www.fmos.org.my/en/>

- (r) In the event of any inconsistency between these Terms and Conditions and any other materials relating to the Campaign, these Terms and Conditions will prevail for matters dealt with in these Terms and Conditions.

**TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
KEMPEN BELANJA KAD DEBIT-i RHB MYSISWA (MUSIM 4)
("Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini")**

Pelanggan-pelanggan dinasihatkan untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini.

Mana-mana pelanggan yang tidak memahami mana-mana Terma dan Syarat ini boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB, yang butiran hubungannya dinyatakan dalam klausa Terma dan Syarat Am di bawah.

PENGANJUR-PENGANJUR KEMPEN

1. **Kempen** ini **Kempen Belanja Kad Debit-i RHB MySiswa (Musim 4)** ("Kempen") dianjurkan oleh RHB Bank Berhad [No. Pendaftaran 196501000373 (6171-M)] dan RHB Islamic Bank Berhad [No. Pendaftaran 200501003283 (680329-V)] (secara kolektif, "RHB").

TEMPOH KEMPEN

2. Kempen ini berlangsung dari **01/03/2025** hingga **31/08/2025** ("**Tempoh Kempen**"), termasuk kedua-dua tarikh.

KELAYAKAN

3. Kempen ini terbuka kepada semua pemegang akaun utama yang layak yang sah dan masih wujud bagi Kad Debit-i RHB MySiswa (secara kolektif, "**Peserta-Peserta Yang Layak**") atau setiap satu "**Peserta Yang Layak**").
4. Individu-individu dan entiti-entiti berikut, pemastautin dan bukan pemastautin, adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini:-
 - (a) individu-individu di bawah umur lapan belas (18) tahun;
 - (b) pekerja-perkerja tetap dan pekerja-perkerja kontrak Kumpulan Perbankan RHB dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka;
 - (c) wakil dan ejen (termasuk agensi pengiklanan dan agensi promosi) RHB dan ahli keluarga terdekat mereka; dan
 - (d) syarikat-syarikat, entiti-entiti komersial dan korporat, milikan-milikan tunggal, perkongsian-perkongsian, pertubuhan-pertubuhan berkebajikan/tanpa untung, persatuan-persatuan dan sekolah-sekolah.

"**Kumpulan Perbankan RHB**" bermaksud RHB Bank Berhad, RHB Islamic Bank Berhad, RHB Investment Bank Berhad, RHB Insurance Berhad dan sekutu masing-masing, syarikat-syarikat pemegang, syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat/perbadanan-perbadanan berkaitan, pengganti-pengganti dan penerima serah hak.

MEKANISME KEMPEN

5. Peserta-Peserta Yang Layak tidak perlu mendaftarkan penyertaan mereka dalam Kempen ini selagi mereka mempunyai Kad Debit-i RHB MySiswa yang aktif.
6. Untuk berpeluang memenangi ganjaran-ganjaran dan hadiah-hadiah di bawah Kempen ini, Peserta-Peserta Yang Layak mesti memenuhi kriteria-kriteria kelayakan berikut semasa Tempoh Kempen ("**Kriteria-Kriteria Kelayakan Kempen**"):-

Kriteria-Kriteria Kelayakan Kempen	Jumlah Minimum	Bilangan Entri
*Sebarang perbelanjaan runcit ¹ dengan jumlah minimum RM30 dalam satu resit	RM30	1 entri
*1 entri bagi setiap transaksi dalam talian ² , tertakluk kepada minimum 10 transaksi dalam bulan kalendar tersebut	Tiada	10 entri
*Kekalkan minimum RM300 Baki Akhir Bulanan (MEB) ³ setiap bulan semasa bulan kempen	MEB:RM300	10 entri
*Pembukaan Akaun Pelbagai Mata Wang (<i>Multi-Currency Account (MCA)</i>)	Tiada	2x entri
**1 RHB <i>Loyalty Point</i> bagi setiap RM2 yang dibelanjakan menggunakan Kad Debit-i RHB MySiswa, tertakluk kepada jumlah minimum RM10 dalam satu resit	RM10	5 RHB <i>Loyalty Point</i> (RHB LP)

*Senario 1:

- Abu membelanjakan RM30 dalam satu resit di sebuah perniagaan runcit atau dalam talian dan dia layak memperoleh satu (1) entri.
- Abu melakukan transaksi DuitNow QR untuk memindahkan sejumlah wang ke sepuluh (10) akaun berlainan dan dia layak memperoleh sepuluh (10) entri.
- Abu mengekalkan RM300 baki minimum bulanan dan dia layak memperoleh sepuluh (10) entri.
- Jumlah entri Abu yang terkumpul ialah 32 entri. Dia membuka akaun Pelbagai Mata Wang dan jumlah entrinya akan digandakan: 32 entri x 2 = 64 entri

**Senario 2

- Abu membelanjakan RM30 dalam satu resit di sebuah perniagaan runcit atau dalam talian dan dia layak memperoleh 15 RHB LP.
- Abu membelanjakan RM15 di sebuah perniagaan runcit, RM17 secara dalam talian, dalam masa sehari dan resit berlainan, dia layak memperoleh 16 RHB LP.
- Abu membelanjakan RM2 di kedai Pak Mat dan RM8 di Cendol Ah Chong dalam masa sehari dan resit berlainan. Namun, dia tidak layak untuk memperoleh sebarang RHB LP kerana tidak memenuhi syarat minimum belanja sebanyak RM10 dalam satu resit.
- Jumlah RHB LP yang terkumpul boleh dikenalpasti di portal RHB Superdeal; <https://www.rhbwards.com.my/superdeals> dan tarikh luput RHB LP tersebut adalah tiga (3) tahun dari tarikh RHB LP diperolehi.

Nota:

- ¹Urus Niaga Runcit atau Dalam Talian ditakrifkan sebagai Perbelanjaan Runcit tempatan dan luar negara melalui Point-of-Sales (POS) dan Dalam Talian.
- ²Transaksi Dalam Talian ditakrifkan sebagai DuitNow Transfer, DuitNow QR, DuitNow Request, FPX, Prepaid Top Up, dan bayaran JomPAY/Bil. Entri hanya akan diberikan untuk transaksi yang dilakukan kepada sepuluh (10) penerima unik.

- ³Baki minimum bulanan sebanyak RM300 akan dijejaki oleh amaun minima sebanyak RM300 di dalam Akaun Simpanan-i Pro RHB / Akaun Semasa-i atau Akaun Simpanan-i RHB pada hari terakhir setiap bulan sepanjang bulan Kempen.

GANJARAN-GANJARAN KEMPEN

7. Peserta-Peserta Yang Layak yang memenuhi Kriteria-Kriteria Kelayakan Kempen akan berpeluang memenangi ganjaran-ganjaran / hadiah-hadiah berikut (setiap satu “**Ganjaran Kempen**”):-

Kategori Ganjaran Kempen	Ganjaran Kempen	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	Apple MacBook Air 13-inch M3 Chip	5 pemenang
Hadiah Bulanan	Taraf 1 – 250K RHB <i>Loyalty Point</i>	Taraf 1 – 60 pemenang
	Taraf 2 – 150K RHB <i>Loyalty Point</i>	Taraf 2 – 90 pemenang
	Taraf 3 – 50K RHB <i>Loyalty Point</i>	Taraf 3 – 300 pemenang
Hadiah Harian	150,000 RHB <i>Loyalty Point</i>	180 pemenang

SYARAT-SYARAT PEMILIHAN PEMENANG DAN PEMENUHAN GANJARAN

8. Pemilihan pemenang dan pemenuhan ganjaran adalah seperti berikut:-
- Semua Peserta Yang Layak yang memenuhi Kriteria-Kriteria Kelayakan Kempen sebagaimana yang dinyatakan dalam Klausula 6 di atas semasa Tempoh Kempen akan dipilih sebagai pemenang.
 - Transaksi-transaksi yang layak dikendalikan berdasarkan tarikh dan masa transaksi mengikut Waktu Piawai Malaysia (*Malaysia Standard Time*) dan mesti tampil dalam sistem RHB untuk diambil kira dalam bilangan transaksi yang layak.
 - Setiap pemenang berhak menerima hanya satu (1) Hadiah Bulanan dan/atau satu (1) Hadiah Utama sepanjang Tempoh Kempen.
 - Semua Peserta Yang Layak akan dipilih berdasarkan entri paling tinggi yang diperolehi setiap bulan sepanjang Tempoh Kempen.
 - Sekiranya jumlah penyertaan adalah seri (jumlah penyertaan yang sama), Peserta Yang Layak dengan jumlah perbelanjaan yang lebih tinggi dalam Tempoh Kempen akan dipilih.
 - RHB tidak bertanggungjawab untuk memenuhi jumlah keseluruhan pemenang jika semua percubaan untuk memilih pemenang telah dilakukan.
 - Peserta Yang Layak akan dihubungi oleh RHB melalui Perkhidmatan Mesej Ringkas (*Short Message Service (“SMS”)*) atau Penghantar Mesej Langsung Elektronik (*Electronic Direct Message (“EDM”)*).
 - Ganjaran Kempen akan dikreditkan ke Kad Debit-i RHB MySiswa setiap pemenang dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas Tempoh Kempen berakhir.

- (i) RHB boleh mendedahkan atau menerbitkan nama-nama dan 4 angka terakhir nombor kad pengenalan pemenang-pemenang dalam media untuk tujuan mengumumkan pemenang-pemenang Kempen ini.
- (j) Hanya pemegang-pemegang akaun utama yang layak bagi Kad Debit-i RHB MySiswa yang sah dan aktif, yang tidak ditutup atau tidak dorman atau tidak ditamatkan atau disekat pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen dan sebelum Ganjaran Kempen dikreditkan, layak untuk penyertaan dalam Kempen ini dan untuk memenangi Ganjaran Kempen. Jika pada bila-bila masa sepanjang Tempoh Kempen dan/atau sebelum Ganjaran Kempen dikreditkan, Kad Debit-i RHB MySiswa tersebut menjadi dorman atau ditutup, ditamatkan atau disekat atas apa jua sebab, pemegang akaun utama Kad Debit-i RHB MySiswa tersebut akan digugurkan daripada Kempen.

8.1 Hadiah Utama

- (b) Lima (5) Peserta Yang Layak yang pertama dengan entri tertinggi sepanjang Tempoh Kempen akan dipilih untuk memenangi hadiah utama.

8.2 Hadiah Bulanan

- (a) Peserta Yang Layak seperti yang berikut dengan entri bulanan tertinggi sepanjang Tempoh Kempen akan dipilih untuk memenangi hadiah bulanan berikut:-
 - (i) Taraf 1: Sepuluh (10) Peserta Yang Layak yang pertama.
 - (ii) Taraf 2: Lima belas (15) Peserta Yang Layak yang seterusnya.
 - (iii) Taraf 3: Lima puluh (50) Peserta Yang Layak yang berikutnya.
- (b) Sekiranya mana-mana Peserta Yang Layak yang telah memenangi satu (1) Hadiah Bulanan dalam Tempoh Kempen, terpilih lagi berdasarkan Kriteria-Kriteria Kelayakan Kempen yang ditetapkan dalam Klausa 6 di atas pada bulan yang berikutnya, Peserta Yang Layak yang seterusnya akan dipilih sebagai pemenang. Sebagai contoh, Peserta Yang Layak untuk Bulan 1 terpilih lagi untuk Bulan 3, Peserta Yang Layak tersebut akan disingkirkan daripada memenangi Hadiah Bulanan untuk Bulan 3.

8.3 Hadiah Harian

- (a) Peruntukan harian RHB *Loyalty Point* dihadkan kepada 150,000.
- (b) Peruntukan adalah atas dasar siapa cepat dia dapat.
- (c) RHB *Loyalty Point* akan dikreditkan secara automatik bagi transaksi yang layak mengikut tarikh transaksi seperti yang telah digariskan dalam RHB *Loyalty Portal*.
- (d) Sekiranya transaksi harian terakhir yang layak memperoleh RHB *Loyalty Point* adalah seri (jumlah transaksi yang sama), transaksi-transaksi tersebut akan dikendalikan berdasarkan tarikh dan masa transaksi mengikut Waktu Piawai Malaysia (*Malaysia Standard Time*) dan mesti tampil dalam sistem RHB untuk diambil kira dalam bilangan.
- (e) Transaksi yang tidak layak untuk memperoleh sebarang RHB *Loyalty Point* adalah seperti berikut:-

No	Penerangan
1	Duit Now (Transfer, QR and Transfer)
2	Jompay / Bill Payment

3	FPX	
4	Prepaid Top-Up	
5	Sebarang bayaran di bawah kod MCC khas yang berikut:	
	8398 Charity /Social service organisation	9311 Tax Payment
	9211 Court costs including Alimony and child	9399 Government Services
	9222 Fines	9402 Postal Services-Government Services
	9223 Bail and Bond Payments	9405 Intra Government Purchase- Gov only

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT AM

9. Dengan menyertai Kempen, setiap Peserta Yang Layak bersetuju dengan perkara berikut:-
- (a) beliau terikat dengan Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini;
 - (b) (i) dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi, RHB boleh:-
 - (1) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini atau menggantung atau menamatkan Kempen ini berikutan pengenalan atau perubahan dalam mana-mana undang-undang atau keperluan-keperluan kawal selia yang terpakai kepada RHB dan/atau Kempen ini; atau
 - (2) mengubah mana-mana Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini jika, tanpa perubahan sedemikian, Bank tidak akan dapat memberi kesan kepada Kempen ini.
 - (ii) RHB boleh memberi notis sedemikian:-
 - (1) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian kepada Peserta-Peserta Yang Layak;
 - (2) dengan menghantar notis sedemikian dan sebab(-sebab) untuk perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian melalui Perkhidmatan Mesej Ringkas (*Short Message Service* (“SMS”)) atau Mesej Langsung Elektronik (*Electronic Direct Message* (“EDM”)) kepada Peserta-Peserta Yang Layak; atau
 - (3) dengan memaparkan notis tersebut dan sebab(-sebab) bagi perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian di cawangan-cawangan RHB atau laman web RHB.
 - (iii) Mana-mana Peserta Yang Layak yang tidak bersetuju dengan perubahan, penggantungan atau penamatan sedemikian dikehendaki memberitahu RHB dan tidak akan lagi berhak untuk menyertai Kempen ini.
 - (c) Penggunaan Kad Debit-i MySiswa tidak terpakai untuk produk dan perkhidmatan tidak patuh Syariah seperti arak, khinzir, hiburan tidak senonoh, tembakau dll.
 - (d) Visual-visual ganjaran atau hadiah (setiap satu “**Ganjaran Kempen**”) dan semua benda lain yang ditunjukkan dalam semua bahan dan penerbitan yang berkaitan dengan Kempen ini dan di laman web RHB adalah untuk tujuan-tujuan ilustrasi dan hiasan sahaja dan tidak menjadi sebahagian daripada Ganjaran-Ganjaran Kempen ini;
 - (e) Beliau tidak dibenarkan memilih warna atau reka bentuk Ganjaran Kempen (jika Ganjaran Kempen itu adalah sesuatu barang);

- (f) Ganjaran-Ganjaran Kempen itu tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan wang tunai, kredit atau sebarang bentuk pembayaran monetari lain;
- (g) RHB dan/atau penjual, pembekal atau ejen yang dilantiknya boleh menggantikan Ganjaran-Ganjaran Kempen itu dengan ganjaran lain yang mempunyai nilai atau spesifikasi yang serupa dengan memberikan notis terdahulu yang mencukupi dengan sebab(-sebab) untuk penggantian tersebut mengikut cara yang ditetapkan dalam Klausula 9(b)(ii) di atas;
- (h) Mana-mana Peserta Yang Layak yang telah menipu atau melakukan apa-apa tindakan yang menyalahi undang-undang atau penipuan berhubung dengan Kempen ini dan/atau produk yang digunakan dalam Kempen ini, akan digugurkan daripada Kempen ini;
- (i) RHB tidak bertanggungjawab ke atas keadaan atau sebarang kehilangan atau kerosotan atau kerosakan pada Ganjaran-Ganjaran Kempen setelah diterima oleh Peserta-Peserta Yang Layak.

Peserta-Peserta Yang Layak dinasihatkan untuk menyemak keadaan Ganjaran Kempen masing-masing sebelum menerima Ganjaran Kempen yang sama (jika Ganjaran Kempen adalah sesuatu barang);

- (j) Beliau bertanggungjawab ke atas semua cukai dan yuran dan caj lain yang dikenakan terhadapnya di bawah undang-undang yang terpakai, jika ada, untuk penerimaan Ganjaran Kempen;
- (k)
 - (i) RHB dikehendaki mendapatkan dan memproses maklumat peribadi Peserta-Peserta Yang Layak untuk mentadbir Kempen;
 - (ii) dengan memberikan maklumat peribadi, Peserta-Peserta Yang Layak telah bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB; dan
 - (iii) mana-mana Peserta-Peserta Layak yang tidak bersetuju dengan pemprosesan sedemikian oleh RHB dikehendaki memaklumkan RHB dan tidak lagi berhak untuk menyertai Kempen ini;
- (l) Beliau seterusnya memberi kebenaran-kebenaran kepada RHB untuk mendapatkan dan memproses maklumat peribadinya untuk tujuan-tujuan penjualan silang, pemasaran dan promosi produk-produk dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan Kumpulan Perbankan RHB atau pakatan strategiknya yang RHB fikir mungkin menarik minatnya. Beliau mempunyai pilihan untuk memilih sama ada untuk menerima bahan pemasaran dan promosi untuk bahan yang sama daripada RHB dan boleh memilih atau menukar pilihannya dengan menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB seperti berikut:

Pusat Hubungan Pelanggan RHB

E-mel : customer.service@rhbgroup.com

Telefon No. : +603-9206 8118

Borang : rhbgroup.com/personal/banking-methods/contactus.html;

- (m) Gambar-gambar/imej-imej berserta nama-nama Pemenang Ganjaran Kempen boleh digunakan dalam pengumuman RHB tentang Pemenang-Pemenang Ganjaran Kempen;
- (n) RHB tidak bertanggungjawab ke atas ketidakterimaan, atau sebarang kelewatan dalam penerimaan, sebarang Ganjaran Kempen Pemenang Ganjaran Kempen yang disebabkan oleh:-
 - (i) penggantungan atau penamatan Kempen ini menurut Klausula 9(b)(i)(1) di atas;

- (ii) tindakan Pemenang Ganjaran Kempen sedemikian atau tidak bertindak; atau
- (iii) oleh sebarang tindakan Tuhan, peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), mogok, rusuhan, kekecohan awam atau tindakan keganasan yang tidak dikaitkan dengan RHB dan/atau mana-mana pekerja, wakil dan ejennya;
- (o) Melainkan jika terdapat sebarang kesilapan yang nyata (jelas), keputusan RHB mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Peserta Yang Layak;
- (p) Beliau boleh menghubungi Pusat Hubungan Pelanggan RHB untuk semua perkara yang berkaitan dengan Kempen ini (termasuk sebarang permintaan untuk menukar atau mengehadkan pemprosesan maklumat peribadinya) kepada Pusat Hubungan Pelanggan RHB;
- (q) Jika beliau tidak berpuas hati dengan resolusi yang diberikan oleh Pusat Hubungan Pelanggan RHB dan jika produk(-produk) yang digunakan oleh Kempen ini adalah:-
 - (i) beliau kemudiannya boleh merujuk perkara itu kepada pengendali Skim Ombudsman Kewangan yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia:-

Financial Markets Ombudsman Service (FMOS) [dahulunya dikenali sebagai Ombudsman for Financial Services]

Alamat: Level 14, Menara Takaful Malaysia
No 4, Jalan Sultan Sulaiman
50000 Kuala Lumpur

No. Telefon: +603-2272 2811

Borang: <https://www.fmos.org.my/en/feedback.html>

Laman Web: <https://www.fmos.org.my/en/>

- (r) Jika berlaku sebarang percanggahan antara Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini dan mana-mana bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini akan digunapakai bagi perkara-perkara yang ditadbir oleh Terma-Terma dan Syarat-Syarat ini.